



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 29 OGOS 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	HARGA BERAS SST AKAN DISELARAS, KATA MENTERI, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MAT SABU: IMPORTED RICE SUFFICIENT BUT SUPPLY OF SST RICE NEEDS TO BE STREAMLINED, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2	
3.	MAT SABU: FOOD SECURITY SOUNDS ALARM FOLLOWING FUKUSHIMA WATER RELEASE, INDIA'S RICE, NATION, CHINA PRESS -A6	
4.	MAT SABU: MINISTRY HELD DIALOGUE WITH MILLING COMPANIES ON SST RICE SUPPLY, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4a	
5.	PERTUBUHAN PELADANG BANTU JAMIN BEKALAN AYAM, KATA MAT SABU, FREE MALAYSIA TODAY -ONLINE	
6.	RM2.35 JUTA BANTU NAFAS TINGKAT PROSES PENGELUARAN AYAM PEDAGING, KAMPUNG MAMAK -ONLINE	
7.	KAWASAN PERTANIAN PADI MAKIN MENGECIL, DALAM NEGERI, UM -1 & 2	
8.	LARANGAN JUAL TELUR PENYU BERI KESAN POSITIF, UM -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	DOF AKAN PASTIKAN IMPORT IKAN MARIN DARI JEPUN BEBAS KANDUNGAN RADIONUKLID, KAMPUNG MAMAK -ONLINE	
10.	FISH PRODUCTS FROM JAPAN MUST GET HEALTH CLEARANCE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2	
11.	CERTIFICATE REQUIRED TO IMPORT LIVE MARINE FISH, NATION, CHINA PRESS -A6	
12.	STABILKAN HARGA ALAT TANGKAP IKAN, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
13.	VETEREN ATM DIGALAK TERLIBAT PERTANIAN BERKELOMPOK, KOPERASI, BERITA RTM -ONLINE	LAIN-LAIN
14.	'MAKAN DURIAN SAMPAI JELUAK' PADA HARGA MURAH DI TERENGGANU, NEGARA, KOSMO -17	
15.	KADAR INFLASI DIUNJUR KEKAL TIGA PERATUS TAHUN INI, BISNES, SH -29	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## Harga beras SST akan diselaras, kata menteri

Menteri pertanian dan keterjaminan makanan berkata dialog dengan pengilang beras tempatan sudah dijalankan beberapa hari lalu bagi tujuan penyelarasan itu.



Sebelum ini bekalan beras SST dilaporkan kehabisan stok menyebabkan pengguna terpaksa membeli beras lebih mahal.

PETALING JAYA: Harga beras super spesial tempatan (SST) akan diselaraskan bagi memastikan tiada kenaikan harga di pasaran, kata Mohamad Sabu.

Menteri pertanian dan keterjaminan makanan berkata, satu dialog dengan pengilang beras tempatan sudah dijalankan beberapa hari lalu bagi tujuan penyelarasan itu.

Katanya, pertemuan itu membabitkan Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Azman Mahmood bersama pengilang di seluruh negara.

“Yang penting kita dapat menyelaraskan harga beras ini (SST) memandangkan beras import banyak di pasaran dan harga pun lebih tinggi,” katanya menurut Harian Metro selepas Program Santai Peladang di Muar, Johor.

Sebelum ini, bekalan beras SST dilaporkan kehabisan stok menyebabkan pengguna terpaksa membeli beras lebih mahal dan import berkualiti tinggi.

Kekurangan itu disebabkan cuaca panas dengan pengeluaran padi negara terjejas sehingga berlaku isu kekurangan bekalan beras itu di pasaran.

Sementara itu, Mohamad berkata ketika ini bahagian penguatkuasaan Pengawalan Padi dan Beras bergerak cergas untuk memastikan tidak berlaku perubahan kimpit dan sebagainya.

Katanya, bagaimanapun pihaknya setakat ini belum menerima laporan mengenai kekurangan beras SST.

“Belum ada laporan, kalau ada kami akan bertindak pantas,” katanya.

Headline	Mat Sabu: Imported rice sufficient but supply of SST rice needs to be streamlined		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	29 Aug 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	194 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,440
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,320



莫哈末沙布（中）与南马小园主互动的活动中，观看展出的鸡仔。

## 末沙布：进口白米充足 协调本地碎米供应

（麻坡 28 日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布说，该部稻米管制组上周六与米粮厂商会面，商讨本地碎米（SST）的货源供应问题。

他说，目前，价格更高的进口白米货源充足，至于本地碎米的供应则需要协调。

莫哈末沙布今日出席一项与南马小园主会商互动的活动后，对记者这么说。

本地 5% 碎米（SST 5%）的管制价格为每 5 公斤 13 令吉，或每 10

公斤 26 令吉，至于 SSI 和进口白米的价格相对较高，且不受政府管制。

### 未接换包装投报

针对市面传出部分不良批发商，将本地白米装入进口白米包装袋，并以进口价格批发牟利的事件，莫哈末沙布表示，尚未接获这方面的报告。

“确实广为流传，但没有特别的投报，如果有，我们会迅速采取行动，执法单位会展开雷厉风行的行动，确保不会发生改用包装等等。”

Headline	Mat Sabu: Food security sounds alarm following Fukushima water release, India`s rice		
MediaTitle	China Press		
Date	29 Aug 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	308 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,075
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,225



## 核污水及印度米減出口 末沙布：糧安敲警鐘

（麻坡28日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，日本核污水排海引发水产食安，及印度宣布减少出口白米的事件，再次敲响国家粮食安全的警钟。

他强调，该部属下国家农民组织（NAFAS）、大马农民组织局（LPP）、联邦农业销售局（FAMA）等单位，从过去到现在一直积极推动农业，并采用高科技及研发更高质量品种，不断提高各农作物的产量，也出口食品，尤其水果。

他有信心并保证，我国不会发生缺粮危机。

莫哈末沙布今午与柔佛及马六甲区的农民举行交流会后指出，根据预测，气候变迁因素将造成全球粮食短缺，政府早已采取措施应对，包括鼓励人民从事农业。

他说，在各农业组织的配合推动下，尤其让人民了解粮食



安全的问题后，已有越来越多人投身农业。

他指出，各方近日开始关注从日本进口的鱼，而卫生部已列出准则。

### 列準則關注進口魚

“不过，我国从日本进口的海产鱼类并不多，大家可以放心。”

他提到，印度国家也宣布减少输出白米，意味著从印度进口的白米价格将上涨。

莫哈末沙布说，上述事件已传出一个重要讯息，那就是我国必须就国家粮食安全做好充分的准备。



■大马农民组织局主席拿督马夫兹（右起）和柔佛州农业、农机工业及乡区发展委员会主席拿督查哈里陪同莫哈末沙布移交模拟支票，给国家农民组织主席拿督占利耶谷。

他也在会上宣布拨款235万令吉给国家农民组织，充作小鸡孵化场的提升工程，以期增加一日龄雏禽产量。

NAFAS与LPP等组织共同经营10个鸡舍，每个鸡舍能容纳1万只“父母种”鸡。

### 近期商碎米貨源問題

针对本地5%碎米（SST 5%）于近期缺货的问题，莫哈末沙布指出，该部总监将安排与厂商对话，确保市场供应充足。

他说，该部稻米管制组在上周六与米粮厂商会面，商讨本地碎米（SST）的货源供应问题，目前，价格更高的进口白米货源充足，至于本地碎米的供应则需要协调。

“进口米的价格调涨许多，该部将确保本地白米价格稳定。”

针对市面传出部分无良批发商，将本地白米装入进口白米包装袋，并以进口价格批发牟利的事件，莫哈末沙布表示尚未接获这方面的报告。

Headline	Mat Sabu : Ministry held dialogue with milling companies on SST rice supply		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	29 Aug 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4a	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	86 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 964
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,893



们合影。  
末沙布与接获特别援助的小园主



## 已与厂商讨论本地碎米货源供应 末沙布：进口袋装本地米仅传言

（麻坡 28 日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布说，该部稻米管制组在上周六与米粮厂商会面，商讨本地碎米（SST）的货源供应问题。

他说，目前，价格更高的进口白米货源充足，至于本地碎米的供应则需要协调。

他今日出席一项与南马小园主会商互动的活动后，对记者这么说。

本地 5%碎米（SST 5%）的管制价格为每 5 公斤 13 令吉，或每 10 公斤 26 令

吉，至于 SSI 和进口白米的价格相对较高，且不受政府管制。

针对市面传出部分不良批发商，将本地白米装入进口白米包装袋，并以进口价格批发牟利的事件，末沙布表示尚未接获这方面的报告。

“确实广为流传，但没有特别的投报，如果有，我们会迅速采取行动，执法单位会展开雷厉风行的行动确保不会发生改用包装等等。” #

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2023	FREE MALAYSIA TODAY	ONLINE	

## Pertubuhan Peladang bantu jamin bekalan ayam, kata Mat Sabu

Mohamad Sabu berkata Pertubuhan Peladang Kebangsaan akan terus terlibat dalam industri ayam pedaging dan harga ayam sekarang mulai stabil.



Mohamad Sabu pada Program Santai Peladang Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama Pemimpin Peladang Zon Selatan 2023. (Gambar Bernama)

MUAR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yakin penglibatan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dalam rantai nilai

ayam melalui anak syarikatnya Medan Juara Sdn Bhd (MJSB), mampu membantu memperkukuh keterjaminan makanan negara khususnya dalam pembekalan ayam pedaging.

Menterinya, Mohamad Sabu, berkata walaupun jumlah berkenaan tidak besar, ia dilihat dapat membantu pengusaha kecil-kecilan yang terlibat dalam sektor itu.

“Nafas akan terus terlibat dalam industri ayam pedaging dan harga ayam sekarang pun sudah mulai stabil kalau naik pun tidak sampai ke harga syiling, jadi saya berterima kasih kepada semua pihak terlibat, penternak besar serta penternak kecil yang menyebabkan harga ayam dan telur terkawal.

“Kita mahu Nafas, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) berganding bahu bagi memastikan keterjaminan makanan pada masa hadapan,” katanya selepas menghadiri Program Santai Peladang Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bersama Pemimpin Peladang Zon Selatan 2023.

Turut hadir Pengerusi LPP Mahfuz Omar, Pengerusi Jemaah Pengarah Nafas Zamri Yaakob, Ketua Pengarah LPP Azulita Salim dan Pengurus Besar Nafas Muhammad Faris Arriffin.

Terdahulu, Mohamad menyerahkan peruntukan daripada LPP bernilai RM2.35 juta kepada Nafas bagi Projek Menaik Taraf Bangunan Pusat Penetasan Anak Ayam (kompleks penetasan) yang dikendalikan syarikat subsidiari Nafas, Medan Juara Sdn Bhd (MJSB).

MJSB, yang beroperasi mengeluarkan anak ayam pedaging berumur sehari atau dikenali sebagai day old chicken (DOC) merupakan syarikat usaha sama utama Nafas dan Pertubuhan Peladang Negeri Johor serta beberapa Pertubuhan Peladang Negeri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2023	KAMPUNG MAMAK	ONLINE	

## RM2.35 Juta Bantu Nafas Tingkat Proses Pengeluaran Ayam Pedaging



MUAR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyalurkan peruntukan sejumlah RM2.35 juta sebagai usaha membantu Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) meningkatkan proses pengeluaran ayam pedaging bagi menampung bekalan ayam seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, antara naik taraf yang akan dilakukan adalah Projek Menaiktaraf

Bangunan Pusat Penetasan Anak Ayam atau Kompleks Hatcheri, syarikat subsidiari Nafas – Medan Juara Sdn Bhd. (MJSB).

Katanya, kemampuan Ladang Ayam Baka MJSB mengeluarkan kira-kira 6 hingga 7 juta anak ayam setahun membolehkan harga ayam dipasaran semakin stabil pada masa kini.

“Kita harus bermula dengan membuat persiapan awal bagi mengatasi peningkatan harga bekalan makanan dengan meningkatkan pengeluaran bagi menampung bekalan import.

“Antara bekalan makanan asas yang menjadi tumpuan adalah bekalan bawang, beras dan bijirin,”katanya selepas hadir dalam Program Santai Peladang Zon Selatan 2023 anjuran Nafas di Muar hari ini.

Menurut beliau, langkah lain yang turut dilaksanakan adalah menjadi negeri Sabah sebagai salah satu negeri pengeluar padi manakala Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) bertanggungjawab menjalankan kajian penanaman bawang yang lebih pantas.

“Nafas, LPP, Fama sekarang ini berganding bahu dengan rakyat supaya sekiranya berlaku sesuatu kepada bekalan makanan dunia tidak akan menyebabkan negara terputus bekalan makanan,”katanya.

Dalam majlis yang sama, turut disampaikan sumbangan dan geran hampir RM3juta yang diagihkan kepada ahli Peladang di negeri Johor dan [Melaka](#) yang melibatkan Program Pemerkasaan Usahawan Peladang (Rise-Up), Program Pemilikan Jentera Kecil dan Sederhana Secara Geran Padanan, Program Agriprentice dan Bantuan Khas Sumbangan Tuna Kepada Pesawah Tahun 2023. -KOSMO! ONLINE

Pesawah beralih tanaman lain, guna tanah untuk pembangunan

# Kawasan pertanian padi makin mengecil

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB,  
MUHAMAD AIMY AHMAD,  
KAMALIZA KAMARUDDIN  
dan AIN SAFRE BIDIN  
[utusannews@mediamulia.com.my](mailto:utusannews@mediamulia.com.my)

**KANGAR:** Masa depan keterjaminan makanan negara khususnya membabitkan beras yang merupakan makanan ruji

rakyat berisiko terjejas apabila keluasan kawasan tanah bendang menyusut sama ada bagi tujuan pembangunan atau lain-lain.

Di Perlis, kawasan tanaman padi menyusut sebanyak 2,385 hektar dalam tempoh lima tahun ini apabila ada pesawah beralih kepada tanaman lain,

menebus guna tanah untuk pembinaan rumah persendirian atau inap desa selain bagi tujuan pembangunan.

Jumlah keluasan tanaman padi di Perlis ketika ini ialah 29,200.72 hektar berbanding 31,586 hektar lima tahun lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Jawa-

tankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad berkata, pembangunan tersebut meliputi perumahan, industri, jalan raya, kemudahan infrastruktur selain pemutihan kawasan tanaman padi sepe-nuh masa.

**Bersambung di muka 2**



## Kawasan pertanian padi makin mengecil

### Dari muka 1

Katanya, pengurangan jumlah keluasan kawasan tanaman padi yang telah dibangunkan untuk tujuan pembangunan dan sebagainya itu direkodkan sejak 2018.

“Terdapat juga pesawah berpindah kepada tanaman lain iaitu direkodkan sebanyak 96 pesawah membabitkan keluasan 58 hektar,” katanya.

Pada masa ini, Malaysia bergantung kepada import beras sebanyak 35 peratus dengan bekalan beras bagi menopang keperluan rakyat negara ini adalah 2.4 juta tan metrik setahun. Ini dengan anggaran seorang penduduk menggunakan 79 kilogram makanan uji berkecukupan dalam tempoh itu.

Mengikut data 2021, negara hanya menghasilkan 1.7 juta tan metrik beras setahuni.

Mengikut rekod pada 2022 pula, Malaysia terpaksa mengimport 1.1 juta tan metrik beras dari Vietnam, 37.2 peratus; Pakistan (36.99 peratus); Thailand (12.9 peratus) dan India 8.6 peratus atau sebanyak 95,263 tan metrik.

Seorang pesawah dari Balik Bukit, Chuping, Mohd. Nazri Subuli, 48, berkata, di kawasan berkenaan dan sekitarnya, sebanyak 10 hektar kawasan tanah sawah bakal susut untuk tujuan pembinaan jalan dan pembangunan lain.

Katanya, melihat kepada perkembangan hasil padi yang tidak menentu khususnya di Perlis dengan rata-rata pesawah hanya menghasilkan empat tan metrik per hektar adalah lebih baik sebarang

pembangunan dilaksanakan bukan di tanah bendang.

Katanya, jika hasil padi di seluruh negara seperti di Sekinchan iaitu 10 sehingga 11 tan metrik per hektar berkemungkinan tiada masalah untuk kejaminan makanan negara.

“Di Perlis sahaja, musim ini khususnya hasil tanaman di luar Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) merosot sehingga 30 peratus atas pelbagai faktor seperti cuaca, penyakit dan masalah pengairan.

“Sejak kebelakangan ini juga, kawasan bendang makin berkurangan.

“Kalau boleh, elakkan pembangunan dilaksanakan di tanah bendang kerana ia bakal mengundang risiko kepada keselamatan makanan negara pada masa depan memandangkan hampir keseluruhan rakyat makan nasi,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban turut bimbang jika sawah terus digunakan untuk tujuan pembangunan.

Katanya, jika keadaan berterusan boleh menyebabkan kawasan tanaman padi berkurangan di seluruh negara sekaligus menjejaskan pengeluaran beras selain negara akan terus bergantung dengan import makanan uji tersebut.

“Kalau boleh kawasan-kawasan sawah ini jangan dikau, untuk pembangunan guna kawasan lain,” katanya.

Di Kedah, penyusutan ke-tara kawasan sawah padi ber-punca daripada pelbagai faktor termasuk saiz tanah yang semakin mengecil ekoran uru-san pembahagian harta pusaka

daripada generasi terdahulu. Pengerusi Badan Bertindak Petani Mada, Che Ani Mat Zain berkata, kerjaya sebagai penanam padi berdepan risiko tinggi ketika ini walaupun kerajaan menjanjikan pelbagai bantuan dan insentif berkaitan bagi meningkatkan sara diri.

Katanya, bukan semua petani yang menial tanah bendang untuk kegunaan lain seperti pembangunan infrastruktur, komersial dan perumahan tidak sensitif dengan keterjaminan makanan negara sebaliknya mereka berada dalam keadaan tersepit.

“Sebagai contoh seorang petani ada 10 hektar bendang, selepas dia meninggal dunia urusan faraid atau pembahagian harta pusaka memerlukan tanah itu dibahagikan kepada enam orang anaknya.

“Apabila tanah seluas 10 hektar dibahagikan kepada enam bahagian, maka tidak sampai dua hektar setiap wais itu dapat. Lebih malang keseluruhan tanah itu bukan dalam satu kawasan sama sebaliknya terpisah dengan bendang orang lain.

“Jadi sudah tentu mereka tidak boleh berbuat apa-apa untuk tanam padi lagi kerana untuk sekadar cukup-cukup makan pun seorang petani memerlukan dua hektar ke atas. Oleh itu, ramai jual bendang mereka bagi kegunaan lain atau bina rumah sewa murah untuk dapat pendapatan setiap bulan,” katanya.

Di Terengganu, negeri itu kehilangan lebih 10,000 hektar sawah padi yang ditukar syarat bagi tempoh 2002 hingga 2017.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2023	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Larangan jual telur penyu beri kesan positif



PENJUALAN telur penyu telah diharamkan di Terengganu untuk mengelakkan kepupusan hidupan marin itu sejak 1 Jun 2022 lalu.

KUALA TERENGGANU: Larangan penjualan telur penyu di negeri ini sejak lebih setahun yang lalu memberi kesan positif dari sudut kesedaran masyarakat terhadap pemuliharaan haiwan marin tersebut di negeri ini.

Menurut Pengarah Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Terengganu, Ruzaidi Mamat, dapatan itu diperolehi hasil tinjauan dan pemeriksaan berterusan berkaitan

urus niaga makanan eksotik berkenaan.

Beliau berkata, pemantauan penjualan telur penyu itu turut melibatkan di negeri-negeri lain seperti Kelantan dan Pahang bagi memastikan ekosistem haiwan terancam itu dapat dipulihara, seterusnya meningkatkan lagi populasi penyu di negeri ini.

“Sejak larangan ini dikuatkuasakan, DOF sentiasa memastikan ianya dipatuhi dan tidak dinafikan ada satu atau dua kes namun ianya terpercil membabitkan penjualan di kedai makan.

“Selain itu kami juga periksa di negeri lain walaupun boleh dijual di sana kerana DOF mahu memastikan sumber telur penyu itu sama ada dari Terengganu atau sebaliknya.

“Secara keseluruhan boleh dilihat penguatkuasaan larangan penjualan telur penyu berjaya meningkatkan tahap kesedaran masyarakat,” katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di sini, hari ini.

Pengharaman berkenaan bermula sejak 1 Jun tahun lalu selepas kerajaan negeri meluluskan Enakmen Penyu 1951 (Pindaan 2021) bagi mengelakkan kepupusan hidupan marin itu

Pindaan itu antara lain memperuntukkan hukuman denda bagi kesalahan kacau ganggu dan membunuh penyu RM50,000 hingga RM250,000 atau penjara tidak kurang setahun atau kedua-duanya.

Telur penyu sebelum ini mendapat permintaan tinggi daripada pelancong dengan peniaga mampu menjual dengan harga antara RM4 hingga RM10 sebiji bagi telur penyu Terengganu.

Tambah Ruzaidi, DOF giat meneruskan usaha konservasi penyu dan tuntung laut selain program melepaskan anak penyu bagi memulihara spesies berkenaan di Terengganu.

“Kita juga bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk universiti tempatan dan badan bukan kerajaan (NGO) yang turut aktif berusaha meningkatkan kesedaran kepentingan telur penyu.

“Kesannya kita tidak nampak sekarang sebaliknya 15 atau 20 tahun lagi mungkin seekor daripada 1,000 anak-anak penyu yang dilepaskan ke laut akan kembali untuk bertelur,” katanya. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2023	KAMPUNG MAMAK	ONLINE	

## DOF Akan Pastikan Import Ikan Marin Dari Jepun Bebas Kandungan Radionuklid



Gambar hiasan

**PUTRAJAYA** — Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan bahawa pihaknya akan memastikan import ikan marin (hidup) dari Jepun adalah bebas daripada kandungan cecair radionuklid.


Sebagai langkah kawalan, DOF turut memastikan setiap konsainan perlu mempunyai Sijil Kesihatan Ikan daripada negara pengimport yang sedang berkuatkuasa.

### Permit Import Dari MAQIS

Maklum kenyataan tersebut, semua pengimport konsainan ikan hidup perlu memohon permit import daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Ia bagi mematuhi syarat-syarat permit import yang telah dinyatakan oleh DOF di dalam permit MAQIS.

DOF mengeluarkan kenyataan itu susulan makluman pelepasan sisa radioaktif terawat Fukushima beberapa hari lalu.

Headline	Fish products from Japan must get health clearance		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	29 Aug 2023	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A2	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	127 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 962
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,886



## 卫生部加强监测 日进口水产需卫生证明

(吉隆坡 28 日讯) 大马认真看待日本福岛核污水排海事件，所有日本渔业产品进口商受促务必遵守政府制定的进口法规和程序，确保进口食品安全，而每批货物必须有日本当局发出的卫生证明。

大马渔业局发文告指出，卫生部将对日本进口的高风险食品实施 4 级检查（监测），以分析放射性物质含量。

“作为管制措施，当

局将确保所有进口活鱼不受放射性核素污染，并且每批货物必须具有进口国的有效鱼类卫生证书。

“所有活鱼托运进口商也必须向大马检疫及检验服务局申请进口许可证，并遵守大马渔业局规定的进口许可证条例。”

### 数单位紧密合作

文告指大马数个政府单位将密切合作，以确保市场上的渔业产品无污染物，相

关单位包括大马渔业局、大马渔业发展局 (LKIM)、大马检疫及检验服务局 (MAQIS) 及卫生部。

根据文告，我国从日本进口的渔业冷冻食品为沙丁鱼和鲭鱼产品，至于来自日本的进口活鱼，我国只进口淡水观赏鱼，例如锦鲤。

“换言之，我国进口的日本活鱼只涉及淡水观赏鱼，并不涉及海鱼。”

文告说，农业及粮食安全部将通过各部门与机构，确保监控标准作业程序的工作尽可能获得持续性的实施。

Headline	Certificate required to import live marine fish		
MediaTitle	China Press		
Date	29 Aug 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	101 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,992
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,976



（吉隆坡28日讯）大马渔业局（DOF）指出，该局将确保进口的活海鱼不受放射性物质污染，每批货物，必须具有进口国有效的鱼类健康证书。

该局今日发文告指出，所有活鱼进口商必须向大马检验及检疫服务局（MAQIS）申请进口准证，并遵守进口条件。

文告说，这项是继日本宣布从8月24日起，分阶段排放福岛核污水后，采取的一项控制措施。

“本局提醒所有日本海产进口商，遵守大马当局制定的进口规则和程序，确保进口食品安全。”

## 確保不受放射性物質污染 進口活海魚需證書

“每批货物都需要有日本当局的健康证明。”

文告提到，卫生部在8月23日发表文告，将在入境处对从日本进口的高风险食品，进行第四级别（监督）检查，分析其放射性物质含量。

该局说，大马从日本进口，用于食用的渔业冷冻食品为沙丁鱼和鲭鱼，而活鱼则只涉及观赏的淡水鱼，如鲤鱼，而不涉及海洋鱼类。

该局指出，农业及食品安全部将通过大马渔业局、大马渔业发展局（LRTM）和大马检验及检疫服务局，与卫生部合作，以确保市场上的海产品不含污染物。

“农业部通过部门或机构，时刻确保监控标准作业程序尽可能持续获得实施，并与各方合作，确保国人的食品安全和保证。”

# Stabilkan harga alat tangkap ikan

**GEORGE TOWN:** Golongan nelayan di negeri ini meminta kerajaan membantu para nelayan untuk menstabilkan harga barangan serta peralatan menangkap ikan yang didakwa naik berlipat kali ganda.

Mereka mendakwa, harga kebanyakan peralatan menangkap ikan seperti jaring, pemberat, tali dan sebagainya meningkat mendadak susulan kejatuhan ringgit memandangkan barangan berkenaan diimport dari negara luar khususnya Thailand.

Difahamkan, jaring menangkap ikan yang dahulunya berharga RM100, kini meningkat sehingga RM150 manakala tali

yang dahulu dijual RM15 sekilogram naik ke RM20 sekilogram.

Menurut Ketua Unit Nelayan Teluk Kumbar, Roslizan Ramli, kerajaan dapat membantu menstabilkan harga peralatan menangkap ikan yang diimport dari Thailand dengan memberikan kebenaran kepada agensi kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) untuk mengimport peralatan berkenaan.

“Sekarang permit import barang penangkapan ikan ini diberikan kepada ejen-ejen, jadi sukar untuk kerajaan memantau dan mengawal harganya,” ujarnya.



## ANTARA

peralatan menangkap ikan yang menyaksikan harga mendadak ekoran kejatuhan nilai ringgit sekali gus menjejaskan mata pencarian para nelayan.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA

SURAT

29/8/2023

BERITA RTM

ONLINE

## Veteran ATM digalakkan terlibat pertanian berkelompok, koperasi



(Timbalan Menteri Pertahanan semasa melaksanakan Program Peduli Veteran (PPV) di sekitar Pekan, Beserah dan Kuantan)

**KUANTAN, 28 Ogos-** Kementerian Pertahanan menggalakkan anggota veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terlibat dalam model pertanian secara berkelompok atau melalui koperasi.

Kementerian itu sedia membantu usahawan veteran dari segi latihan dan bantuan peralatan menerusi Program Pemerksaan Usahawan Veteran (PUVET) Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Timbalan Menteri Pertahanan Adly Zahari berkata, bagi tujuan itu juga pihaknya bersedia menjalin kerjasama dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah, Kementerian Ekonomi, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.



(Timbalan Menteri Pertahanan Adly Zahari)

"Jadi buat masa ini kita kebanyakannya bekerjasama dengan kementerian lain kerana kita tahu bahawa setiap kementerian ada fokusnya, contohnya di Kementerian Pertanian. Jadi kita memang menggalakkan veteran ini mengusahakan model pertanian sama ada secara berkelompok ataupun koperasi.

Seramai 200 usahawan veteran telah dibantu pada tahun ini melalui kerjasama pelbagai kementerian.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas program peduli veteran peringkat negeri Pahang di Jalan Seri Mahkota Aman, Taman Seri Mahkota Aman, Kuantan.

Menjawab isu pendaftaran Veteran Tentera, beliau memaklumkan 100,000 Veteran Tentera masih belum berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM.

Beliau menggesa agar mereka segera membuat pendaftaran supaya tidak tercicir dan menikmati kemudahan yang disediakan.





**MUSANG KING antara durian yang bakal dijual murah pada program 'Makan Durian Sampai Jeluak' - CAMBAR HIASAN**

## 'Makan Durian Sampai Jeluak' pada harga murah di Terengganu

**MARANG** - Peminat durian boleh menikmati raja buah dengan harga yang lebih murah dalam program 'Makan Durian Sampai Jeluak' di Dataran Jambatan Angkat Kuala Terengganu pada Jumaat dan Sabtu ini.

Lebih 40 tan durian pelbagai jenis termasuk musang king dan black thorn akan dijual pada program anjuran Jabatan Pertanian Terengganu yang bermula pada pukul 3 petang, Jumaat ini.

Pengarah Pertanian Terengganu, Datuk Zulkepli Amin Mat Jusoh berkata, lebih 200 peke-

bun terlibat menjual durian secara terus kepada pengguna sepanjang program dua hari itu.

"Ini inisiatif Jabatan Pertanian untuk menghubungkan terus pekebun durian dengan pelanggan tanpa penglibatan orang tengah.

"Semoga ia memberi ruang kepada rakyat terutama berpendapatan rendah untuk sama-sama merasai keenakan durian pada harga lebih murah daripada pasaran," katanya semalam.

Zulkepli Amin berkata, pihaknya menyasarkan lebih

20,000 pengunjung termasuk pelancong luar bakal menghadiri program 'Makan Durian Sampai Jeluak' berkenaan.

Katanya, harga durian di pasaran Terengganu ketika ini masih stabil, semurah RM7 sekilogram bagi varieti kampung.

"Walaupun berlaku lambakan pada masa ini, namun permintaan sangat tinggi. Musim ini durian tidak luruh serentak di seluruh negara, jadi lebihan durian Terengganu akan dipasarkan di negeri lain seperti Selangor," ujarnya.

TUKARAN ASING		
MATA WANG	BEJIAN	JUALAN
1 DOLAR AS	4.652	4.657
1 EURO	5.0237	5.031
1 DOLAR SINGAPURA	3.7266	3.4306
1 POUND UK	5.849	5.8571
100 RYIAL SAUDI	123.9971	124.1436
100 RUPIAH INDO	0.0304	0.0305

# Kadar inflasi diunjur kekal tiga peratus tahun ini

Unjuran berpandukan situasi berhati-hati terhadap kenaikan harga makanan akibat El Nino

## KUALA LUMPUR

Maybank Investment Bank mengekalkan unjuran kadar inflasi 2023 pada tiga peratus, sementara berhati-hati kenaikan harga makanan berikutan fenomena cuaca El Nino susulan harga beras telah meningkat 2.4 peratus tahun ke tahun pada Julai.

"Kami mengekalkan unjuran inflasi 2023 pada tiga peratus

buat masa ini memandangkan kadar inflasi bulanan dijangka tetap di bawah tiga peratus tahun ke tahun sehingga akhir tahun terutama berdasarkan kesan asas.

"Bagaimanapun, risiko inflasi kekal cenderung menaik berikutan dasar subsidi dan kawalan harga yang tidak stabil," katanya dalam nota penyelidikan pada Isnin.

Menurut firma penyelidikan itu, kerajaan telah mula melaksanakan subsidi bersasar bermula dengan tenaga elektrik pada awal tahun ini.

Subsidi hanya diberikan kepada pengguna domestik (isi rumah) dan pengguna voltan rendah, berbanding pengguna bukan domestik (industri, komersial) serta pengguna voltan sesial derhana dan tinggi.

ia diikuti dengan penge-

cualian isi rumah berpendapatan tinggi daripada subsidi elektrik pada permulaan separuh kedua tahun ini iaitu mereka yang mempunyai penggunaan elektrik bulanan melebihi 1,500kWj (kilowatt setiap jam).

Tambahnya, subsidi bahan api bersasar berkemungkinan dilaksanakan pada tahun depan yang akan turut menamatkan 'manfaat' kepada isi rumah berpendapatan tinggi.

"Pada masa sama, kami berhati-hati terhadap risiko inflasi makanan yang berkaitan dengan El Nino.

"Harga beras berada dalam trend menaik, meningkat 2.4 peratus tahun ke tahun (YoY) pada Julai 2023 (Jun 2023: 1.4 peratus YoY) dan 0.9 peratus bulan ke bulan (MoM) - Jun 2023: 0.3 peratus MoM.

"Ia adalah susulan ke-



Harga beras dalam aliran menaik susulan kekurangan bekalan beras global disebabkan cuaca buruk dan pembelian panik akibat El Nino.

kurangan bekalan beras global berikutan keadaan cuaca buruk, pembelian panik akibat El Nino dan keputusan India untuk mengharamkan eksport beras," tambahnya.

Pada Jumaat lalu, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan inflasi Malaysia telah mereda kepada angka dua peratus pada Julai 2023. - DagangNews.com